

*Artikel***Pengaruh Modal Sosial Terhadap Kualiti Hidup Bagi Golongan Berpendapatan Rendah***(The Impact of Social Capital on The Quality of Life for Low Income Groups)*

Zainul Zolkifeli\*, Novel Lyndon &amp; Azahan Awang

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zainulzolkifeli@gmail.com](mailto:zainulzolkifeli@gmail.com)

**Abstrak:** Kualiti hidup merupakan isu yang sering dibincangkan dalam kalangan penyelidik sosial kerana ia boleh menjelaskan kehidupan seseorang. Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan 2.7 juta daripada kumpulan pendapatan B40, dengan 63% tinggal di kawasan bandar manakala 37% tinggal di luar bandar pada tahun 2016. Keadaan ini boleh menjelaskan kualiti hidup bagi kumpulan B40 jika tiada langkah diambil untuk mengatasi situasi ini. Bagi mengatasi masalah ini, masyarakat digalakkan menggunakan modal sosial sebagai alat untuk meningkatkan tahap kualiti hidup. Objektif utama kajian ini untuk menilai pengaruh modal sosial terhadap kualiti hidup bagi golongan berpendapatan rendah B40. Kajian ini melibatkan 100 orang responden dalam kalangan golongan berpendapatan rendah di Kota Bharu. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh dimensi modal sosial ke atas kualiti hidup responden adalah sebanyak 21.7 peratus. Justeru, pihak berkepentingan boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai asas untuk mewujudkan atau menambahbaik dasar, prosedur dan program yang lebih baik untuk masyarakat. Selain itu, kajian ini juga telah memperkenal enam dimensi modal sosial iaitu jaringan, kepercayaan, norma, peraturan sosial, keupayaan dan keperluan beragama. Kesmua dimensi ini diyakini akan memberi impak kepada kajian yang berkaitan pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Kualiti hidup, jaringan, norma, kepercayaan, kuantitatif.

**Abstract:** Quality of life is an issue that is often debated among social researchers because it can affect an individual's life. The Department of Statistics Malaysia verified 2.7 million categorized as B40 income group, with 63% living in urban areas while 37% lived in rural areas in 2016. This situation will have a worse impact on the quality of life for the B40 group if no efforts are engaged to overcome this situation. To overcome this problem, the community is encouraged to use social capital as a tool to improve the quality of life. The main objective of this study is to evaluate the influence of social capital on the quality of life for the low-income group B40. This study involved 100 respondents from the low income group in Kota Bharu. This study uses quantitative methods. Data was collected using a questionnaire and analyzed using SPSS software. The findings of this study show that the influence of the social capital dimension on the respondents' quality of life is 21.7 percent. Therefore, stakeholders can use the outcomes of this study as a foundation for enacting or improving better policies, procedures and programs for the community. In addition, this study has also

introduced six dimensions of social capital which are networks, beliefs, norms, social rules, ability and religious needs. All of these dimensions are believed to have an impact on related studies in the future.

**Keywords:** Quality of life, networks, norms, beliefs, quantitative.

## Pengenalan

Isu berkaitan dengan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah yang juga dikenali sebagai “bottom 40” (B40) adalah kritikal dalam agenda pembangunan negara. Dasar Sosial Negara (DSN) yang telah diluluskan pada tahun 2013 menekankan kepada tahap kualiti hidup dalam kalangan masyarakat. Ini terbukti melalui objektif umum yang digariskan dalam dasar ini iaitu memastikan setiap orang, keluarga dan komuniti tanpa mengambil kira kaum, agama, jantina, dan fahaman politik memberi sumbangan terhadap pembangunan negara serta merasai kesejahteraan hidup selamanya.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan pada tahun 2016 seramai 2.7 juta orang di Malaysia tergolong dalam golongan B40 iaitu pendapatan kurang daripada RM 4,360 sebulan. Unit Perancang Ekonomi (2013) pula melaporkan indeks kesejahteraan rakyat Malaysia pada tahun 2000 hingga 2012 menunjukkan peningkatan hanya 25.4 mata sahaja. Statistik yang dicatatkan ini sangat membimbangkan kerana situasi ini boleh menjelaskan kualiti hidup individu tersebut seterusnya akan memberi kesan kepada pembangunan negara.

Hal ini kerana golongan B40 dikhuatir akan menimbulkan gejala sosial yang negatif. Menurut Eitzen dan Zinn (2000), masalah sosial dapat dibahagikan kepada dua iaitu salah laku norma (*norm violations*) dan keadaan sosial (*norm conditions*). Gejala sosial yang berbentuk salah laku norma merujuk secara tidak langsung kepada ketidakseimbangan sosial seperti kemiskinan, kebuluran, jenayah dan sebagainya. Kehidupan golongan B40 di Pantai Timur juga mempunyai kekurangan dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, pendapatan, kurang ilmu pengetahuan dalam perniagaan dan sebagainya. Ini terbukti melalui kewujudan program yang dikenali sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Tujuan program ini diwujudkan adalah untuk mengatasi masalah ekonomi khususnya golongan B40 di Pantai Timur.

Kajian mengenai kualiti hidup sudah lama dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Terdapat pelbagai perbincangan yang diutarakan berkaitan kualiti hidup. Perkara ini boleh didapati melalui teori, penerbitan atau juga sumber-sumber lain. Dalam tinjauan ke atas konsep kualiti hidup, didapati ia dibincangkan secara meluas dalam pelbagai bidang yang berbeza merangkumi tiga aspek utama iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar (Mohamad et al. 2008). Konsep kualiti hidup ini juga telah dijelaskan oleh Siti Fatimah (2006), beliau menyatakan konsep kualiti hidup bukan diukur melalui aspek material sahaja seperti tahap pendidikan, kenderaan, pemilikan rumah malahan juga melalui perkara lain seperti rasa belas kasihan, berlapang dada, perasaan kasih sayang dan kemesraan. Manakala, dari sudut ekonomi pula, ia merujuk kepada penilaian prestasi sesebuah negara dalam menghasilkan barang dan perkhidmatan (Mohamad et al. 2008). Sementara itu, petunjuk alam sekitar memperihalkan maklumat untuk mengawal tekanan yang terhasil oleh pembangunan ekonomi dan sosial sekaligus meminimumkan kesan negatif dan memaksimumkan kesan positif terhadap alam sekitar seterusnya memastikan pembangunan alam sekitar yang maju (Sirgy, 2001).

Kini, keperluan individu semakin rumit serta berubah berdasarkan peredaran revolusi. Kualiti hidup yang dirasai pada hari ini tidak memberikan jaminan hidup yang berkualiti di masa hadapan. Kenaikan kos sara hidup dan kemelesetan ekonomi yang dilalui serta proses pembandaran di sesebuah kawasan akan

memberi tekanan hidup yang tinggi ke atas golongan B40. Dalam menentukan kesejahteraan hidup golongan ini, Azahan Awang et al. (2006) menyatakan bahawa perkara yang perlu dilihat adalah melalui taraf kualiti hidup. Berdasarkan kepada kajian oleh Santiago et al. (2011) yang menyatakan gaji yang rendah akan memberi impak yang buruk dari sudut psikologi dan kesejahteraan keluarga. Hal ini kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang terbatas akibat kesukaran untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik kerana tahap pendidikan yang rendah.

Beberapa kajian lepas juga telah banyak dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang boleh mempengaruhi kualiti hidup. Antaranya faktor sokongan sosial (Fazida, 2018). Selain itu, terdapat juga pengkaji seperti Mohd Yusuf Hussain et al. (2011); Bo Gao et al. (2018); Mohd Saifoul et al. (2013) yang mengkaji modal sosial dan kualiti hidup secara keseluruhan dan juga melalui dimensi yang dikenalpasti dalam kajian mereka. Kajian ini mencadangkan enam dimensi dalam pembolehubah modal sosial yang dijangka akan memberi pengaruh terhadap kualiti hidup responden. Dimensi yang tersebut adalah jaringan, kepercayaan, norma, peraturan sosial, keupayaan dan keperluan beragama.

## Sorotan Literatur

Modal sosial adalah merujuk kepada norma dan hubungan sosial yang merupakan aset penting kepada masyarakat melalui sumber sosial, ekonomi, dan politik. Dalam sejarah sains sosial, nilai yang wujud dalam hubungan sosial telah lama dianggap sebagai nilai kolektif dan individu. Walaupun terdapat perdebatan yang mendalam mengenai teori modal sosial (Portes & Sensenbrenner, 1993; dan Woolcock, 1998). Namun dalam kajian semula teori terdapat tiga perspektif teori moden yang dilihat sebagai asas teori modal sosial iaitu teori yang dipelopori oleh Coleman, Putnam dan Bourdieu.

Coleman (1990) mendefinisikan modal sosial sebagai sebarang aspek struktur sosial yang mewujudkan nilai dan memudahkan tindakan individu dalam struktur sosial itu. Menurut beliau, struktur sosial menjadi modal sosial ketika digunakan bagi memudahkan tindakan yang disengajakan. Terdapat dua jenis struktur sosial yang mempromosikan modal sosial. Pertama ialah penutupan rangkaian atau rangkaian padat, di mana setiap orang berhubung dan yang kedua adalah organisasi sosial di mana individu berkongsi kepentingan kolektif (Burt, 2001; Lin, 2001).

Berdasarkan pandangannya, keutamaan Coleman adalah untuk menjelaskan mengapa ramai orang membangunkan rangkaian yang boleh dipercayai dan rapat tetapi tidak memaksimumkan kepentingan diri sendiri (Brown, 2000; Flora, Sharp et al. 1997). Beliau menjawab bahawa modal sosial sangat berguna untuk menarik sumber dalam kolektiviti dan membawa kesan positif kepada usaha rasional individu (Flora, 1998). Sebagai contoh, dalam kajiannya terhadap pelajar sekolah menengah, Coleman mendedahkan bahawa harapan keluarga dan saluran maklumat di sekolah agama swasta menghasilkan norma dan kewajipan yang menghalang pelajar dari risiko kecinciran (Coleman, 1988). Beliau menyatakan bahawa modal sosial adalah satu set norma efektif yang dikenakan ke atas anggotanya seperti norma-norma amanah dan reputasi. Jika struktur sosial tidak mempunyai norma seperti itu, pertukaran sosial cenderung kepada ketidakcekapan dan tidak menghasilkan apa-apa manfaat daripada jangkaan timbal balik (Coleman, 1988, 1990). Oleh itu, perspektif pilihan Coleman telah menyumbang kepada pemahaman bagaimana kepercayaan, maklumat dan norma dalam struktur tertentu adalah penting bagi individu. Berdasarkan teori Coleman ini, perlu untuk memisahkan modal sosial daripada fungsi dan strukturnya.

Pierre Bourdieu, salah seorang ahli sosiologi moden yang terkenal dan menumpukan kepada penstrukturuan hubungan sosial (Field, 2003; Lin, 2001; Stokke, 2002). Dalam penstrukturuan kelas teori modal

sosial, Bourdieu menerangkan bagaimana pelaburan dalam hubungan sosial memberi kesan kepada hierarki sosial (DeFilipis, 2001). Oleh itu, teori ini menjelaskan proses pembentukan modal sosial dan dimensi struktur melalui hubungan sosial dalam masyarakat.

Bourdieu (1986) juga mengistilahkan modal sosial sebagai hasil sebenar atau potensi sumber yang dikaitkan dengan pembentukan jaringan dalam hubungan persahabatan dan pengiktirafan. Teori ini mempunyai tiga komponen asas iaitu jaringan, sumber dan perhubungan. Menurut beliau, modal sosial seseorang ditentukan oleh saiz jaringan, jumlah sumber modal ekonomi dalaman dan bagaimana individu boleh terus bergerak maju (Portes, 1998). Beliau juga menekankan kepada hubungan sosial kerana sumber modal ekonomi dalaman tidak wujud secara semulajadi tetapi direalisasikan oleh lokasi sosial tertentu (Foley & Edwards, 2000). Pandangan ini adalah sebab mengapa karya-karya Bourdieu telah dipuji oleh tokoh-tokoh rangkaian moden (Portes, 1998; Defilipis, 2001).

Putnam (2000) menganggap modal sosial sebagai harta masyarakat. Putnam mendefinisikan modal sosial sebagai ciri organisasi sosial seperti rangkaian, norma, dan amanah yang memudahkan koordinasi dan kerjasama untuk faedah bersama (Putnam, 1993). Menurut beliau sesebuah masyarakat lebih membangun melalui kehidupan bersama yang erat berbanding dengan masyarakat yang mempunyai modal sosial rendah. Secara keseluruhan, teori Putnam mempunyai kaitan dengan pembangunan dalam komuniti melalui norma-norma dan persatuan-persatuan sivik yang menjadi pusat kepada amalan komuniti yang lebih besar (Fine, 2001).

Secara rumusan daripada tiga perspektif mengenai modal sosial di atas, modal sosial merujuk kepada perhubungan sosial yang terhasil daripada individu, kumpulan dan masyarakat. Walaupun terdapat perbezaan dari sudut hubungan, ketiga-tiga perspektif tersebut saling melengkapi antara satu sama lain. Secara ringkasnya modal sosial dapat ditakrifkan mengikut pandangan tokoh-tokoh berikut. Coleman mentakrifkan bahawa modal sosial merupakan potensi individu untuk menggerakkan sumber-sumber berdasarkan hubungan rapat antara mereka. Bourdieu pula menyatakan modal sosial sebagai sifat rangkaian sosial di mana sumber-sumber yang tersedia dibahagikan. Putnam mengatakan modal sosial sebagai sistem kebudayaan atau normatif institusi yang menerangkan bagaimana komuniti ditadbir dan bagaimana ekonomi dimantapkan.

Kajian emperikal ada menyatakan bahawa modal sosial memberi sumbangan kepada produktiviti. Peniaga yang memiliki hubungan baik bersama syarikat lain secara signifikan mampu untuk mendapat jualan yang lebih tinggi berbanding peniaga yang tidak mempunyai hubungan yang baik (Fafchamps & Minten, 2002). Dalam perniagaan, hubungan adalah berteraskan kepercayaan juga mampu menambah produktiviti syarikat terutama dari segi memudahkan dan menjimatkan aspek kewangan. Selain itu, faktor bersama modal sosial yang turut memberi pengaruh kepada kualiti hidup ialah faktor kesihatan mental (Amin et al., 2019; Zolkifeli & Amin, 2019).

Berdasarkan kajian oleh Grootaert dan Narayana (2001) membuktikan modal sosial mengurangkan risiko kemiskinan individu di Bolivia. Mereka menyatakan hasil amalan dalam modal sosial secara amnya lebih besar dalam golongan miskin berbanding golongan kaya. Manakala kajian oleh Knack (2002) membuktikan keberhasilan kerajaan meningkatkan modal sosial melalui pentadbiran yang baik menyumbang kepada peningkatan paras ekonomi serta memberi impak progresif dalam membantu penduduk terutama golongan miskin untuk mendapat akses terhadap peluang ekonomi yang lebih baik. Hubungan yang baik juga mampu untuk menjana pembangunan ekonomi, mengurangkan kadar jenayah, menjaga kebijakan sosial masyarakat serta meningkatkan kestabilan politik (Salmi, 2006). Hubungan antara masyarakat dan

persekitarannya boleh dilihat melalui konsep kebolehdiaman (Jasmine, 2008). Kehidupan yang sempurna dan lebih baik mampu dimiliki melalui hubungan kejiranian yang baik.

Kajian oleh Borghans et al., (2006) menunjukkan bahawa interaksi sosial atau jaringan sosial ini merupakan faktor penentu dalam pasaran buruh termasuk pencarian kerja dan upah. Mereka juga menyatakan seseorang individu yang kekurangan dalam aspek modal insan atau modal fizikal akan menggunakan modal sosial bagi membantu mereka dalam pasaran buruh. Woolcock & Narayan, (2000) menegaskan bahawa jaringan antara individu dan syarikat bagi membentuk jaringan serta memperoleh kepercayaan untuk menyempurnakan sesuatu tugas berasaskan nilai dan norma yang diterima masyarakat merupakan modal sosial yang penting dalam aspek transaksi ekonomi global.

Manakala melalui dimensi agama dalam modal sosial, kajian yang dijalankan di Negeri Selangor mendapati peranan amil tempatan menjadi nilai ukuran kepada peningkatan kualiti hidup golongan miskin bandar di negeri tersebut dimana amil berupaya mengubah cara pemikiran mereka melalui kaedah yang telah dilakukan oleh amil dengan menyantuni kumpulan ini (Teh et al. 2016).

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik. Penyelidikan kuantitatif pula sinonim dengan data numerika yang dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Chua (2006), menyatakan bahawa pengukuran data dalam penyelidikan kuantitatif mengutamakan kesahan dan keboleh percayaan bagi menguji teori, membina fakta dan mengkaji perhubungan antara pemboleh ubah yang diguna dalam sesuatu kajian.

Responden terdiri daripada ketua isi rumah yang tinggal di Kota Bharu. Fokus kajian ini adalah mereka yang dikategorikan sebagai golongan B40 iaitu pendapatan di bawah RM 4,360. Mengikut Jabatan perangkaan malaysia (2017), seramai 63,644 orang penduduk Kota Bharu dikategorikan sebagai golongan B40. Persampelan rawak mudah digunakan bagi mendapatkan responden kajian. Sebagai kajian rintis, seramai 100 orang ketua isi rumah telah dipilih bagi menjawab borang soal selidik. Data kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Antara analisis yang digunakan ialah analisis kebolehpercayaan analisis deskriptif dan analisis inferensi iaitu regresi.

Menurut Sekaran & Bougie (2009), penggunaan statistik deskriptif bagi menghuraikan ciri-ciri responden dengan menggunakan petunjuk seperti frekuensi, min, sisihan piawai, peratusan, varians dan sebagainya adalah sangat penting bagi menerangkan secara logik dapatkan kajian agar fenomena yang dikaji dapat difahami.

Analisis regresi dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh atau sumbangannya sesuatu pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar dalam kajian. Mohd Yusri (2010) menyatakan analisis regresi terbahagi kepada dua iaitu regresi linear mudah dan regresi linear pelbagai. Ujian regresi linear mudah atau regresi mudah (*bivariate regression*) melibatkan kesan satu pemboleh ubah bebas ke atas satu pemboleh ubah bersandar manakala regresi linear pelbagai atau regresi pelbagai (*multiple regression*) pula digunakan untuk melihat beberapa kesan pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar (Chua, 2006).

## **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu profil responden, min kualiti hidup dan modal sosial dan juga regresi dimensi modal sosial terhadap kualiti hidup.

## 1. Profil Responden

Jumlah keseluruhan responden kajian ini ialah 100 orang. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, 87% ialah lelaki dan 13% ialah perempuan. Kategori umur responden kajian ini juga mendapati 59% responden berumur 36 hingga 50 tahun dan 95% sudah berkahwin. Selain itu, tahap pendidikan menunjukkan 62% responden mempunyai tahap pendidikan pada peringkat SPM dan 28% mempunyai pendidikan pada peringkat STPM/Diploma. Dalam aspek pekerjaan pula, sebanyak 38% responden bekerja sendiri manakala 36% responden pula bekerja swasta. 28% responden mempunyai pendapatan RM1001 hingga RM 2000 sebulan manakala 56% yang lain mempunyai pendapatan RM2001 sebulan hingga RM3000 sebulan.

Jadual 1. Profil Responden

<b>Profil Responden</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Umur	21 hingga 35 tahun	35	35.0
	36 hingga 50 tahun	59	59.0
	51 hingga 65 tahun	6	6.0
Jantina	Lelaki	87	87.0
	Perempuan	13	13.0
Taraf perkahwinan	Bujang	4	4.0
	Berkahwin	95	95.0
	Duda/Janda/Balu	1	1.0
Tahap pendidikan	SRP/PMR	2	2.0
	SPM	62	62.0
	STPM/Diploma	28	28.0
Pekerjaan	Ijazah ke atas	8	8.0
	Kakitangan kerajaan	25	25.0
	Kakitangan swasta	36	36.0
	Bekerja sendiri	38	38.0
Pendapatan sebulan	Tidak bekerja	1	1.0
	RM 0001-RM1000	4	4.0
	RM1001-RM2000	28	28.0
	RM2001-RM3000	56	56.0
	RM3001-RM4000	12	12.0

## 2. Min Kualiti Hidup dan Modal Sosial

Nilai min kualiti hidup dan modal sosial adalah seperti di jadual 2 yang menggunakan skala pengukuran nilai 1 hingga 5. Nilai 1 menunjukkan skala ukuran rendah manakala nilai 5 menunjukkan skala ukuran tinggi.

Jadual 2. Min Kualiti Hidup dan Modal Sosial


Pembolehubah	Minimum	Maksimum	Min	SP
Kualiti hidup	2.57	4.60	3.7319	.43029
Jaringan	2.33	4.00	3.1759	.37134
Kepercayaan	2.50	4.00	3.3150	.37900
Norma	2.40	4.00	3.3008	.33368
Peraturan sosial	2.30	4.00	3.3050	.37346
Keupayaan	2.60	4.00	3.3350	.37855
Keperluan beragama	2.60	4.00	3.5033	.37639

Berdasarkan jadual 2, semua pembolehubah kualiti hidup dan dimensi modal sosial, menunjukkan min lebih daripada 3. Ini menunjukkan tahap kualiti hidup dan modal sosial adalah tinggi kerana skala median bagi kajian ini adalah 3. Jika nilai lebih tinggi daripada 3, ia dianggap baik kerana menghampiri nilai maksimum 5. Jika nilai min skor lebih rendah daripada 3, tahap pembolehubah dikira rendah kerana ia menghampiri nilai minimum 1. Skala pengukuran ini merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh (Mohd et al. 2009). Oleh itu, semua pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini berada pada tahap yang baik.

### 3. Regresi Dimensi Modal Sosial Terhadap Kualiti Hidup

Berdasarkan rajah 1, hasil analisis regresi mendapat terdapat pengaruh pembolehubah bebas iaitu dimensi modal sosial terhadap kualiti hidup responden.

Rajah 1. Regresi dimensi modal sosial terhadap kualiti hidup



Rajah 1 menunjukkan pengaruh dimensi modal sosial terhadap kualiti hidup responden adalah sebanyak 21.7%. Nilai R kuasa dua ( $R^2$ ) digunakan bagi menentukan peratusan pengaruh atau sumbangan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar (Mohd Yusri, 2010). Bagi menginterpretasi nilai  $R^2$ , kajian ini menggunakan saranan oleh Lea (1997) yang menyatakan nilai  $R^2$  melebihi 75 peratus adalah sangat baik, 50

hingga 70 peratus adalah baik, 25 hingga 50 peratus adalah kurang baik tetapi masih boleh diterima manakala nilai  $R^2$  yang menunjukkan 25 peratus dan ke bawah adalah kurang baik dan dicadangkan agar sumbangan hubungan antara pemboleh ubah berkenaan tidak diterima.

Dimensi keperluan beragama menunjukkan nilai beta yang paling tinggi memberi pengaruh kepada kualiti hidup responden iaitu 0.334. Keadaan ini mungkin disebabkan negeri Kelantan agak terkenal dengan pusat-pusat pengajian Islam dan kelahiran ramai para agamawan Islam. Justeru, beberapa keadaan ini turut memberi kesan kepada penduduk tempatan untuk lebih mendalamai ilmu agama sekaligus tidak mustahil jika dimensi keperluan agama menunjukkan pengaruh yang paling tinggi berbanding dimensi lain.

Manakala dimensi jaringan pula menunjukkan nilai yang paling rendah memberi pengaruh kepada kualiti hidup berbanding dimensi lain iaitu 0.041. Hal ini mungkin disebabkan faktor geografi responden. Memandangkan kajian ini dijalankan di kawasan bandar iaitu kota Bharu maka keadaan penduduk bandar lebih kepada kesibukan menjalani kehidupan sehari-hari seperti bekerja sehingga lewat malam berbanding kehidupan di kampung yang mempunyai lebih banyak masa untuk berinteraksi sesama jiran tetangga. Sekaligus situasi ini menyebabkan dimensi jaringan memberi pengaruh yang paling rendah kepada kualiti hidup responden.

Walaupun pembolehubah modal sosial yang mengandungi enam dimensi telah digunakan dalam kajian ini, terdapat juga kemungkinan masih ada lagi dimensi atau item-item lain yang mampu memberi pengaruh kepada peratusan tersebut.

## Kesimpulan

Secara kesimpulan, kepentingan hasil kajian ini boleh dilihat daripada dua aspek iaitu kepentingan praktikal kepada pihak yang berkaitan dan kepentingan kepada teori. Pihak yang turut mendapat manfaat daripada kajian ini ialah pihak kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan, masyarakat dan yang paling utama ialah golongan B40 itu sendiri. Kesemua pihak ini boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai rujukan mereka bagi tujuan merangka dasar atau program-program dalam usaha meningkatkan kualiti hidup golongan B40 ini.

Golongan B40 juga perlu mempunyai kesedaran dalam diri masing-masing dan bersikap proaktif dalam usaha memantapkan modal sosial. Hal ini kerana modal sosial dapat mempengaruhi pendapatan individu. Melalui dimensi modal sosial seperti interaksi sosial, mampu untuk melebarkan lagi jaringan seseorang itu dengan yang lain. Maka, urusan seseorang itu akan menjadi lebih mudah kerana mempunyai kenalan yang boleh membantu mereka dalam menguruskan sesuatu perkara. Melalui dimensi kepercayaan pula, individu dalam golongan B40 ini akan mempunyai peluang yang lebih luas dalam sesuatu penawaran sekiranya pihak yang menawarkan itu mempunyai rasa percaya yang tinggi terhadap diri individu terbabit.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data dengan lebih cepat dan sistematik kerana dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga kerana penyelidik menjalankan kajian secara borseorangan. Kajian seterusnya boleh mengaplikasikan kaedah campuran atau *mix method* dengan menggabungkan kedua-dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk dapatan kajian yang lebih menyeluruh. Pelbagai teknik pengumpulan data seperti teknik temu bual, permerhatian dan analisis dokumen juga sesuai dijalankan kerana melibatkan kajian lapangan. Teknik pemerhatian ikut serta sesuai dijalankan dengan cara penyelidik menginap dan tinggal bersama-sama masyarakat agar dapatan kajian diperoleh dengan lebih terperinci kerana kajian ini melibatkan sikap, tingkah laku dan interaksi manusia. Oleh yang demikian, pelbagai konstruk yang lebih mendalam dapat dikaji menerusi pembabitian secara langsung penyelidik dengan responden kajian. Kaedah temubual secara

bersemuka juga sangat berkesan terutamanya untuk mendapatkan maklumat yang sahih melalui reaksi serta komunikasi secara langsung dengan responden.

**Penghargaan:** Penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia serta semua pihak yang memberi sumbangan dalam penerbitan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan.

## Rujukan

- Amin, A., Zolkifeli, Z., & Abu Hassan, M. S. N. (2019). Descriptive research of social capital among low income group in urban areas in east coast of Peninsular Malaysia. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8(2S3), 267-269.
- Azahan, Awang & Samad Hadi, Abdul & Md Jahi, Jamaluddin & Ahmad, Asmah & Harman Shah, Abdul Hadi. 2006. Mendefini semula makna kualiti hidup masyarakat bandar dalam konteks ilmu sosial. *Malaysian Journal Of Environmental Management*. 7. 19-32.
- Bo Gao, Shujuan Yang, Xiang Liu, Xiaohui Ren, Danping Liu, PhD, Ningxiu Li. (2018). Association between social capital and quality of life among urban residents in less developed cities of western China, *Medicine* 97:4
- Bourdieu, P. (1986) *The forms of capital*. In J. G. Richardson (Ed.), *Handbook of Theory and Research in the Sociology of Education* (pp.96-111). New York: Greenwald Press.
- Borghans, L., Duckworth, A. L., Heckman, J., & ter Weel, B. (2006). The Economics and Psychology of Personality Traits. *Journal of Human Ressources*, 43(4), 972-1059.
- Brown, T. (2000). *Theoretical Perspectives on Social Capital*. Retrieved April 12, 2004, from the <http://hal.lamar.edu/~BROWNTF/SOCCSAP.HTML>
- Burt, R.S. (2001). *Structural holes versus network closure as social capital*. In L. Lin, K. Cook, & R. Burt (Ed.) *Social Capital: Theory and Research* (pp. 31-56). NY: Aldine de Gruyter.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Chua, Y. P. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Shah Alam: Mc Graw Hill.
- Coleman, J. S. (1990). *Foundations of social theory*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Coleman, J.S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94 (supplement): S950S120.
- Dasar Sosial Negara. (2013). Retrieved from: [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR\\_SOSIAL\\_NEGARA.pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR_SOSIAL_NEGARA.pdf)
- DeFilippis, J. (2001). The myth of social capital in community development. *Housing Policy Debate*, 12(4), 781-806.
- Eitzen, D. Stanley and Zinn, Maxine Baca. (2000). "The Missing Safety Net and Families: A Progressive Critique of the New Welfare Legislation," *The Journal of Sociology & Social Welfare*: Vol. 27 : Iss.1 , Article 4.
- Fafchamps, M., & Minten, B. (2002). Returns to social network capital among traders. *Oxford Economic Papers*, 54, 173–206.
- Fazida, K. (2018). *Modelling Social Support, Mental Health and Quality of Life Among Drug-Abuse Inmates*.

- Disertasi Ph.D (Tesis).* Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Field, J. (2003). *Social Capital*. New York: Routledge.
- Fine, B. (2001). *Social capital versus social theory: Political economy and social science at the turn of the millennium*, New York: Routledge
- Flora, J.L. 1998. Social capital and communities of place. *Rural Sociology*, 63(4), 481-506.
- Flora, J.L., Sharp, J., Flora, C. & Newlon, B. (1997). Entrepreneurial social infrastructure and locally-initiated economic development in non-metropolitan U.S. *Sociological Quarterly*, 38(4), 623-645.
- Foley, M & Edwards, B. (1998). Beyond Tocqueville: Civil society and social capital in comparative perspective. *American Behavioral Scientist*, 42(1), 5-20.
- Grootaert, C., & Narayan, D. (2001). *Local institutions, poverty, and household welfare in Bolivia*. World Bank Policy Research Working Paper. No.2644.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2016). *Statistik Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah*. Retrieved February 26, 2018, from [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctwoByCatparent\\_id=119&menu\\_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctwoByCatparent_id=119&menu_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09)
- Jasmine Lau Leby (2008) *Residents' perception of liveable neighbourhood environment in Subang Jaya, Selangor, Malaysia* (Master Sains thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Knack, S. (2002). Social capital, growth, and poverty: A survey of cross-country evidence. In Grootaert, C. et al (Eds.), *The role of social capital in development. An empirical assessment*. Cambridge University Press.
- Lea, S. (1997). *Logistic Regression and Discriminant Analysis*. Retrieved April 10, 2016, from <http://people.exeter.ac.uk/SEGLea/multvar2/discrim.html>.
- Lin, L. (2001). *Building a network theory of social capital*. In L. Lin, K. Cook, & R. Burt (Ed.) *Social Capital: Theory and Research*. NY: Aldine de Gruyter.
- Mohamad, M., Yassin, S.M. & Mohamed, W.N. (2008). *Quality of Life-Marketing An Introduction*, Penerbit UMT.
- Mohd Shaladdin, M., Wan Abdul Aziz, W. M. A., & Nik Wan, O. 2009. Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 58–77.
- Mohd Yusof, H. A., Noor Rahmah, H. A. B., Abd. Hair, A., Junaenah, S., & Ong, P. L. 2011. Memobilisasikan Penyertaan Lokal melalui Participatory Rural Appraisal (PRA) bagi Penilaian Keperluan untuk Pembangunan Komuniti. *Malaysian Journal of Communication*, 27(1), 170–179.
- Mohd Yusri, I. (2010). *Bimbingan Cepat Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan dan Sains Sosial (Edisi Pert)*. Kuantan, Pahang: Bandar Ilmu.
- Portes, A. & Sensenbrenner, J. 1993. Embeddedness and Immigrations: Notes on the social determinants of economic action. *American Journal of Sociology*, 98(6), 1320-1350.
- Portes, A., 1998. Social capital: Its origin and applications in contemporary sociology. *Annual Review of Sociology*, 24, 1 - 24.
- Putnam, R. D. (1993). *Making Democracy Work*. New Jersey: Princeton University Press, Princeton.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowing Alone: The collapse and revival of American community*. New York: Simon and Schuster.
- Salimi, V. (2006). The association between social capital and juvenile crime: The role of individual and structural factors. *European Journal of Criminology* 3(2), 123–148.
- Santiago, Catherine & Wadsworth, Martha & Bodie. (2011). Socioeconomic status, neighborhood disad-

- vantage, and poverty-related stress: Prospective effects on psychological symptoms among diverse low-income families. *Journal of Economic Psychology*. 32. 218230.10.1016/j.joep.2009.10.008.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach (4th edition)*. John Wiley & Sons, Inc.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2009). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach (5th edition)*. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.
- Sirgy, M. J. (2001). *Handbook of quality-of-life research: An ethical marketing perspective (Vol.8)*. Springer Science & Business Media.
- Siti Fatimah Abdul Rahman, (2006). Kriteria kualiti hidup berkeluarga <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>, pada 25/1/2006.
- Stokke, K. (2002). *Habitus, Capital and Fields: Conceptualizing the Capacity of Actors in Local Politics*. Retrieved by May 11th 2005. From <http://folk.uio.no/stokke/publications>.
- Teh Suhaila Tahuddin, Aza Shahnaz Azman & Norani Shamsuddin. 2016. Impak agihan zakat terhadap kualiti hidup asnaf di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Ekonomi dan Perbankan ke 2*, pp. 226-237.
- Unit Perancang Ekonomi. (2013). *Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (Ikrm)Bertujuan Mengukur Tahap Kesejahteraan Rakyat Malaysia Daripada Perspektif Ekonomi Dan Sosial*. [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/organization/economic-planning-unit-epu](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/organization/economic-planning-unit-epu)
- Woolcock, M., & Narayan, D. 2000. Social capital: Implications for development theory, research, and policy. *The World Bank Research Observer*, 15, 225–249.
- Woolcock, M. 1998. Social capital and economic development: toward a theoretical synthesis and policy framework. *Theory and Society*, 27, 151-208.